



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 10

RABU, 15 MEI, 1963 (22 Zul-Hijjah, 1382)

PERCHUMA

## LAWATAN TIMBALAN MENTERI BESAR

# TERANGKAN HAL BRUNEI DALAM MALAYSIA

BANDAR BRUNEI.— Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah menamatkan lawatan beliau sa-lama tiga hari di-Ulu Belait.

Beliau, dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan rombongan, telah melawat ka-

kampong2 Kuala Balai, Bukit Puan, Labi, Rampayoh dan Bukit Sawat.

Kebanyakan dari kampong2 ini telah mengalami

Yang  
Berhormat  
Dato  
Setia  
Pengiran  
Haji  
Ali

benchana banjir dalam bulan Januari yang lalu.

Dalam lawatan itu Timbalan Menteri Besar telah mengadakan perbincangan2 dengan penduduk2 di-sana dan memberitahu mereka akan tujuan lawatan itu — lawatan rasmi julong2 kali di-adakan beliau dan juga untuk mengetahui berbagai2 masalah yang bersangkutan dengan kampong2 itu.

### KEDUDOKAN BRUNEI

Dato Setia Pengiran Haji Ali telah menerangkan kepada penduduk2 itu berkenaan dengan Malaysia dan kedudukan Brunei dalam pembentukan persekutuan baru itu.

Beliau juga telah menjawab berbagai2 soalan yang di-kemukakan oleh anak2 kampung di-pendalaman Ulu Belait itu.

(Berita lanjut lawatan Timbalan Menteri Besar ini kita siarkan dengan sa-penohnya di-muka 5 keluaran ini).

**Berjaga2  
Jauhkan  
Kebakaran**

BANDAR BRUNEI.— Inche Lam Su Man, Pengusaha Perkhidmatan Bomba Brunei minggu ini telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah menempah sebanyak motor-boat Bomba dengan tujuan untuk membesarkan lagi alat perkhidmatan melawan api di-Kampong Ayer.

Beliau menyatakan bahawa motor-boat tersebut sekarang ini sedang di-buat di-Hongkong dan di-jangka siap dan akan sampai ke-Brunei pada penghujung tahun ini.

Inche Lam menjelaskan, kawasan di-kampong ayer ada-lah sangat merbahaya kira-nya berlaku sa-suatu kebakaran, dari itu penduduk2 di-kawasan kampong ayer haruslah berjaga2 dari berlaku-nya kebakaran di-kawasan itu.

Sekarang ini Kerajaan telah menyediakan sebanyak 27 buah pusat alat pemadam api di-kampong ayer dan penduduk2 dilatih chara2 yang mudah untuk melawan api dan bagaimana menggunakan alat2 pemadam api sa-kira-nya sa-suatu kebakaran berlaku di-kampong itu.

Penguasa Perkhidmatan Bomba itu berkata, dalam masa musim panas ini, kebakaran boleh berlaku pada bila2 masa sahaja, kecuali perhatian di-tumpukan terhadap benda2 yang mudah menimbulkan kebakaran.

## BEKAS RAJA SARAWAK MENINGAL

LONDON.— Bekas Raja Kulit Puteh di-Sarawak, Sir Charles Vyner Brooke telah meninggal dunia di-runah-nya di-sini pada 10 Mei lepas. Beliau berumur 88 tahun.

Mendiang Sir Charles telah menjadi raja yang penghabisan di-Sarawak, ia-itu dari tahun 1917 hingga tahun 1946.

Beliau telah menyerahkan negeri itu ka-pangkuhan Britain pada 1 Julai 1946, dan dari sejak itu beliau bersara di-London.

## KA-MALAYA SA-MULA



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota bersama2 adinda2nya telah berlepas sa-mula ka-Perserkutuan Tanah Melayu untuk menyambongkan pelajaran-nya di-sana. Dalam gambar ini Yang Teramat Mulia kelihatan telah di-hantar beramai2 oleh pembesar2 Brunei di-Lapanng Terbang di-Berakas baharu2 ini. Sa-belum berlepas do'a selamat telah di-bachakan.

# Murid2 Tunjok Kehendalan Dalam Sokan Sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Pemilihan untuk mewakili kumpulan sekolah2 Melayu di-daerah2 ka-peraduan akhir sokan tahunan sekolah2 Melayu seluruh negeri telah di-jalankan sejak 1 Mei yang lalu dan di-jangka akan berakhir pada 19 Mei ini.

Peraduan akhir sokan tahunan itu akan di-langsangkan di-Padang Besar Pekan Brunei pada 8 Jun hadapan.

Dalam peraduan terakhir itu wakil2 daerah yang terdiri dari wakil2 sekolah2 Melayu Brunei I (Sekolah Melayu dalam bandar); Brunei II (Sekolah Melayu luar bandar), Belait/Seria, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian.

Pada 1 Mei yang lalu pemilihan bagi kejohanan sekolah2 Melayu bahagian Kuala Temburong telah di-langsangkan di-Padang Sekolah Melayu Pulau Baru2.

Sa-banyak 4 buah sekolah yang terdiri dari sekolah2 Melayu Pulau Baru2, Batu Marang, Pulau Berbunut dan Menunggol telah mengambil bahagian.

Dalam pemilihan itu sa-banyak 51 jenis peraduan telah di-tandingkan.

## WAKIL SEKOLAH2

Keputusan pemilihan bagi empat buah sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- ◆ Sekolah Melayu Batu Marang mendapat 48 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Menunggol mendapat 39 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Pulau Baru2 mendapat 36 mata; dan
- ◆ Sekolah Melayu Pulau Berbunut mendapat 28 mata.

Murid2 yang handal dalam tiap2 satu permainan dari keempat2 sekolah itu di-pilih untuk mewakili sekolah2 Melayu Kuala Temburong di-pemilihan akhir kejohanan sokan sekolah2 Melayu Daerah Temburong yang di-adakan pada hari ini di-Padang Sekolah Melayu Sultan

Hasan, Bangar.

Pada 5 Mei lepas, pemilihan bagi mewakili sekolah2 Melayu Jalan Tutong telah di-langsangkan di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

Sa-banyak enam buah sekolah yang terdiri dari sekolah2 Melayu Sengkurong, Bendahara Sakam (Bunut), Orang Kaya Setia Bakti (Kilanas), Jerudong, Kati Maher dan Bengkuron telah mengambil bahagian.

## MARKAH DI-DAPAT

Markah yang di-perolehi oleh sekolah2 tersebut ada-lah seperti berikut:

- ◆ Sekolah Melayu Sengkurong mendapat 148 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas mendapat 85 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut mendapat 71 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Kati Maher mendapat 38 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Jerudong mendapat 6 mata, dan
- ◆ Sekolah Melayu Bangkuron mendapat 3 mata.

Pemilihan bagi Sekolah2 Melayu Kuala Brunei yang terdiri dari Sekolah2 Melayu Lumapas, Kasat, Dato Gandi dan Subok telah di-langsangkan di-Padang Sekolah Melayu Lumapas pada 6 Mei yang lalu.

Kedudukan dalam pemilihan itu ada-lah seperti berikut:

- ◆ Sekolah Melayu Kasat mendapat 57 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Subok mendapat 35 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Dato Gandi mendapat 31 mata; dan
- ◆ Sekolah Melayu Lumapas mendapat 30 mata.

## 1,200 Masok Darjah Dewasa

BRUNEI. — Lebih 40 buah darjah2 dewasa Ugama Islam sekarang ini telah pun di-buka di-seluroh negeri sejak ia-nya di-mulakan pada awal bulan lepas.

Pemereksa2 sekolah2 Ugama di-Daerah2 Belait, Brunei dan Tutong telah menerangkan kapada Pelita Brunei bahawa nampak2nya darjah2 itu sa-makin sa-hari ada mendapat sambutan baik dari orang ramai.

Menurut keterangan, kata mereka, ada antara darjah2 yang mempunyai murid dewasa hingga meningkat lebih dari 50 atau 60 orang dalam satu darjah.

Darjah2 dewasa Ugama itu di-adakan bukan saja di-bangunan2

sekolah dan mesjid2 bahkan juga di-rumah2 ketua kampong dan di-rumah2 sendirian pun ada.

Darjah2 itu ada juga yang di-khaskan bagi kaum perempuan dan ada sa-tengah2-nya di-adakan dalam satu darjah saja, iaitu menurut keadaan dan suasana di-tempat2-nya di-adakan.

Menuru daftar murid2 dewasa darjah2 itu, kira2 1,200 orang lelaki dan perempuan sekarang ini sedang mengikuti pelajaran2 Ugama di-seluroh negeri.

Beberapa buah lagi darjah2 dewasa Ugama di-jangka akan di-buka di-beberapa tempat tidak berapa lama lagi.

Pada 9 Mei bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu telah di-adakan pemilihan untuk mewakili Sekolah2 Melayu Ulu Brunei.

Sa-banyak empat buah sekolah ia-itu sekolah2 Melayu Pengkalan Batu, Masin, Panchor Murai dan Limau Manis telah mengambil bahagian.

## KEPUTUSAN

Dalam pemilihan itu, markah yang di-dapati oleh sekolah2 tersebut ada-lah saperti berikut:

- ◆ Sekolah Melayu Pengkalan Batu mendapat 102 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Panchor Murai mendapat 67 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Limau Manis mendapat 57 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Masin mendapat 32 mata.

Pemilihan bagi Sekolah2 Melayu Jalan Muara telah di-langsangkan di-Padang Sekolah Melayu Muara pada 12 Mei yang lalu.

Sa-banyak 9 buah sekolah di-sa-panjang Jalan Muara kechualui Gadong telah mengambil bahagian.

Keputusan dalam pemilihan tersebut akan di-muat dalam pelita keluaran yang akan datang.

(Lihat Muka 7)

## DARJAH DEWASA DI-BUKA

SERIA. — Darjah Dewasa Ugama akan di-buka pada hari Ahad ini demikian p e j a b a t Ugama di-Kuala Belait telah memberitahukan.

Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, berkata darjah itu akan di-adakan di-Mesjid Seria.

Kata - n y a Pegawai Daerah Pengiran Mohammin bin Pengiran Haji Ismail telah dengan murah hati akan mlangsungkan pembukaan rasmi darjah tersebut.

Sementara itu darjah dewasa khas bagi kaum perempuan jug a di-Seria di-jangka akan di-buka lewat bulan ini.

## SEKOLAH INGGERIS PETANG MULAI BUKA

BANDAR BRUNEI. — tok penuntut2 yang telah meningkat Form III dan yang akan mengikuti pelajaran2 bagi School Certificate. Merca itu telah pun i henti atau meninggalkan bangku sekolah.

Darjah2 di-adakan pada hari2 Isnin, Selasa, Rabu, Kamis, dan Sabtu dari jam 5.45 hingga jam 8.45 petang.

## PEGAWAI GIGI

### BERLATEH

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai2 perubatan gigi dari Jabatan Perubatan Negara, Brunei, telah berlepas ka-Pulau Penang untuk mengikuti latehan2 di-Sekolah Latehan Perubatan Gigi di-Penang.

Mereka itu ia-lah Jumat bin Salleh, George Gumma, Fatimah binte Abdul Aziz dan Chee Kam Hee.

Jumat dan George Gumma akan menjalani latehan sa-lama dua tahun dalam latehan teknikal perubatan gigi manakala Fatimah dan Chee Kam Hee akan menjalani kursus sa-lama 28 bulan mengenai pekerjaan dalam hal ewhal perubatan gigi.

Pelajaran2 Commercial—Trengkas, Book-keeping, dan Menaip. Darjah2 ini mulai di-buka mengikut banyak bilangan penuntut2 yang mengikuti pelajaran2 itu.

Darjah Menaip akan di-mulakan apabila jentera penaip sampai kelak.

## PELAJARAN2

Darjah2 itu di-adakan dari jam 5.45 petang hingga 7.45 petang pada hari2 Isnin, Selasa dan Rabu.

Pelajaran2 bagi General Certificate of Education adalah bergantong kepada yang di-kehendaki.

Darjah ini hanya-lah un-

# Sambutan Hangat Untuk Memileh Bintang Radio '63

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan akhir bagi merebut gelaran johan dan naib johan "Bintang Radio Brunei 1963" akan di-langsungkan di atas sa-buah pentas yang akan di-buat di-Padang Besar, di-sini pada 8 Jun hadapan.

Pengerusi peraduan tersebut dalam menyatakan ini berkata bahawa peraduan Bintang Radio ini di-adakan sa-mata2 untuk meninggikan lagi taraf penyanyi2 di-tanah ayer di-samping memupok kebolehan dan bakat mereka dalam seni suara.

Beliau menegaskan, seni suara di-kalangan pemuda pemudi di-negeri kita ini ada-lah di-antara kechenderongan mereka dan bakat penyanyi yang sedia ada pada mereka itu harus-lah di-beri akan untuk meninggikan lagi taraf nyanyian mereka.

## SENI SUARA

"Kita telah menyaksikan betapa pemuda pemudi di-negeri kita ini menumpukan minat mereka dalam lapangan seni suara dan tidak kurang pula di-antara mereka itu telah mencapai kejayaan2 yang gemilang di-dalam peraduan2 nyanyian yang di-anjorkan oleh pertubuhan2 dan badan2 yang tertentu", ujar beliau.

Beliau menjelaskan, oleh kerana mustahak bakat mereka itu harus di-beri perangsang, maka pehak kami telah mengambil keputusan untuk mengadakan peraduan bintang radio tersebut. Peraduan ini telah di-jalankan k tahun 1960 dan ada kemu-

## Dekat \$1,000 Utk. Belait

**KUALA BELAIT.** — Satkad ini wang sa-jumlah \$77,848.03 telah pun di-ke-luarkan oleh kerajaan untuk bantuan kepada anak2, istri2 dan tanggongan2 orang2 tahanan di-Daerah Belait, demikian telah di-be-ritahukan oleh Pegawai Daerah itu Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail minggu lepas.

Bantuan yang berupa barang2 makanan dan wang tunai itu telah pun mulai di-berikan sejak dalam bulan Januari tahun ini berikutnya dengan meletusnya pembertonan pada 8 Disember tahun lepas.

Bantuan sa-rupa itu juga di-lakukan di-daerah2 lainnya di-negeri ini.

ngkinan peraduan itu akan di-teruskan hingga tahun2 yang akan datang.

Sa-panjang di-adakan peraduan bintang radio dari sejak itu sambutan hangat dari kalangan peminat2 seni suara di-negeri ini ada-lah memuaskan.

Sementara itu, bagi memulakan pemilihan wakil daerah2, maka pada malam 10 Mei yang lalu telah di-adakan upachara pemilihan bintang radio bagi Daerah Tutong di-Panggong Mohammad Bolkiah, Pekan Tutong.

Dalam peraduan tersebut, Shamsuddin Idris telah berjaya memenangi gelaran Johan Bintang Radio bagi daerah tersebut dalam bahagian lelaki, manakala naib johan di-menangi oleh M.J. Adanan dan yang ke-tiga Adali Jais.

Johan bahagian wanita pula di-menangi oleh Zaleha Manan,

naib johan Ajibah Mohd. Said dan yang ke-tiga Norsinah Othman.

Johan dan naib johan di-kedua2 bahagian tersebut akan mewakili Daerah Tutong di-pertandingan akhir bagi merebut gelaran Johan dan naib johan Bintang Radio seluruh negeri yang akan di-adakan pada 8 Jun ini.

Hampir 1000 orang telah hadir menyaksikan pertandingan tersebut.

## JEBAT DERHAKA

Hadiyah2 kapada yang berjaya telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Inche Salleh bin Hidup.

Persembahan drama sa-babak "Jebat Derhaka" telah di-persembahkan oleh Abdullah Rashid dan rakan-nya dari Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei.

Sementara itu, pertandingan bagi memilih Johan dan Naib Johan Bintang Radio daerah Brunei/Muara akan di-adakan pada 1 Jun ini dan tempatnya akan di-umumkan kelak.

Bagi pemilihan Bintang Radio Daerah Temburong akan di-adakan pada 19 Mei dan di-Daerah Belait pada 26 Mei, 1963.



Babak genting dan terakhir dalam drama sa-babak "Jebat menderhaka" yang di-persembahkan oleh Abdullah Rashid (depan) dan rakan-nya di-pertandingan Bintang Radio 1963, Daerah Tutong.

## LAGI KA-PUSAT PEMULEHAN

**BUNUT.** — Pasokan yang ketiga sa-ramai 58 orang penuntut2 pemulihkan akhlak telah mulai mengikuti kursus sa-lama enam hari pada 10 Mei lepas.

Mereka telah di-pindahkan dari khemah tahanan di-Berakas ka-pusat Pemulehan di-sini.

Dengan pasokan yang ketiga itu sa-ramai 170 orang tahanan2 telah menjalani kursus sa-below di-bebasan.

Pasokan pertama berjumlah sa-ramai 49 orang dan kedua sa-ramai 63 orang telah menjala-

ni kursus sa-lama lima hari dan ka-semua mereka itu telah di-bebasan.

Sa-masa menjalani kursus, pegawai2 kanan dari berbagai2 pejabat kerajaan ada-lah memberikan sharahan2 mengenai pejabat masing2.

Sharahan2 itu menyentoh perka2 terhadap budoh-nya melancarkan penderhakaan bersen-jata.

Penuntut2 itu juga di-beri latehan pergerakan badan dalam tempoh menjalani kursus di-pusat latehan tersebut.

## SEDAR KEMUDIAN MENYERAH

**BANDAR BRUNEI.** — Tiga orang lagi penderhaka yang menyedari diri mereka "bodoh" telah menyerah diri di-sini pada 10 Mei lepas.

Mereka itu ia-lah Besar bin Osman, sa-orang kaptan dalam pasokan apa yang dikatakan Tentera National Kalimantan Utara, Abdul Hamid bin Munak, sa-orang lieutenant dan Haji Kaffin bin Haji Damit.

Mereka telah keluar dari dalam hutan di-selatan Sungai Brunei dengan membawa Surat Pas Keselamatan yang telah di-gugorkan dari udara di-kawasan itu.

## LAPORKAN DIRI

Mereka telah melaporkan diri kapada Ketua Kampong Sabah, di-Kampong Ayer di-sini dan menyerah diri kepada-nya.

Ketua kampong itu telah membawa mereka kapada pehak pulis dengan serta merta.

Penderhaka2 itu berkata mereka tidak lagi berdaya hendak tinggal di-dalam hutan dan jalan yang lebuh baik dan munasabah bagi mereka buat hanya-lah menyerah diri.

## KEMBALI SA-SUDAH BERTUGAS

**BERAKAS.** — Pegawai2 penjara yang telah di-pinjam oleh kerajaan Singapura untuk bertugas di-Khemah tahanan di-sini telah kembali ka-Singapura untuk bertugas sa-mula di-Penjara Changi.

Inche Ali bin Rahman, yang telah menyandang pangkat sebagai Superintendant Khemah Tahanan di-Berakas itu bersama2 dengan tujuh orang lagi pegawai2 yang lain-nya telah datang ka-Brunei berikutan dengan men切utus-nya pemberontakan pada awal Disember tahun lepas.

Tempat Inche Ali telah di-gantikan oleh Inche Inder Singh, Senior Superintendant di-Penjara Taiping.

Sa-pasokan 9 orang lagi warden yang bertugas di-khemah tahanan itu di-jadualkan balik ka-Singapura hari ini.

# Upachara Perpisahan Untuk Askar Gurkha

**PEKAN BANGAR.** — Satu upachara yang penoh meriah telah di-adakan di-sini pada malam 9 Mei lepas kerana memberi selamat berpisah kapada pasukan angkatan bersenjata 1/7 Gurkha Rifles sa-telah tamat perkhidmatan mereka di-daerah Temburong sa-lama lebuh dua bulan.

Pegawai Daerah Temburong Inche Matuor Macafee memberitahu Pelita Brunei bahawa pasukan angkatan bersenjata itu telah di-gantikan oleh pasukan 2/7 Gurkha Rifles.

Upachara itu kata-nya, adalah juga untuk mengalu2kan ketibaan tentera baharu itu ka-dae-ran-nya sambil menguchapkan selamat bertugas di-sana kepada mereka.

## TARIAN ASLI

Kata beliau, tujuan utama mengadakan upachara sa-demikian ada-lah untuk menanam perasaan bahawa tentera bukanlah hanya untuk berperang bahkan juga mempunyai tugas yang mempunyai erti lebuh luas dari itu.

Mereka ada-lah sa-bagai sahabat baik yang senantiasa berkhidmat untuk kepentingan dan keamanan penduduk2 sekalian. Tugas mereka ada-lah untuk memulihkan keamanan, tegas beliau.

Antara yang menyertai upachara tersebut ia-lah berbagai2 pertunjukan tarian2 asli penduduk2 di-sana, termasok-lah puak2 Murut dan Iban dengan tarian2 asli kebangsaan mereka.

Di-samping itu pasukan tentera Gurkha telah juga menyumbangkan 10 buah achara yang berupa tarian2 dan permainanan tambor. Satu tarian yang telah di-persembahan mereka telah di-beri nama tarian "inenan padi".

## Kemalangan

**KUALA BELAIT.** — Sa-buah kereta van yang membawa barang2 bekalan telah terbakar pada pagi 8 Mei yang lalu di-jalan batu 4 dari sini ka-Seria.

Pemandu van itu telah terselamat dan tidak mendapat apa2 kecederaan.

Dalam masa kejadian itu berlaku tidak ada penumpang yang berada dalam van tersebut.

## SEMBAHYANG HARI RAYA



Tahanan2 di-Khemah Tahanan, Berakas kelihatan melangsungkan istiadat sembahyang Hari Raya Haji di-tanah lapang di-kawasan khemah tersebut.

## KETEGANGAN PASTI KENDOR

**BANDAR BRUNEI.** — Tuan Christobal V. Irlanda, dari Consulate General Philippines di-Singapura telah berkata di-sini beliau berharap bahawa perundingan antara Malaya, Indonesia dan Philippina pada 21 Mei ini akan merentis jalan menuju kapersidangan kemuncak bagi negeri2 itu.

Tuan Irlanda berkata demikian dalam satu temu ramah beliau di-hotel tempat beliau tinggal di-Brunei pada 11 Mei lepas. Beliau baru saja tiba dari Kuching

sa-lepas melawat sa-lama tiga hari di-sana.

Kata-nya ia perchaya semua masalah2 akan dapat di-atasi kira-nya Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaya, President Indonesia Sukarno, dan President Philippina Macapagal berjumpa di-persidangan itu.

Tuan Irlanda telah mengadakan lawatan-nya ka-wilayah2 Borneo untuk mengetahui berbagai2 masalah tentang orang2 Philippina di-wilayah2 tersebut.

## KEBAKARAN DI-KAMPONG

**KAMPONG AYER, BANDAR BRUNEI.** — Satu kebakaran di-sa-buah rumah di-Kampung Sungai Kedayan di-sini telah berlaku pada malam 7 Mei lepas. Kebakaran itu ada-lah di-sebabkan sa-biji lampu minyak tanah.


Kerugian telah di-taksir berjumlah \$700.00. Api kebakaran itu telah dapat di-padam oleh pasukan bomba

yang telah berkejar ka-sana dengan serta merta.

Satu kebakaran yang lain telah juga berlaku di-Batu 6, Jalan Berakas apabila satu kawasan be-lukar yang luas-nya kira2 tiga ekar di-jilat api pada siang hari itu juga.

Api tersebut telah mengga dan mengancham rumah2 yang berdekatan, tetapi dapat di-padamkan oleh ahli2 pasukan pemadam api yang berkejar ka-tempat itu.

## PASAR GEMBIRA PENGAKAP



Pengakap2 Brunei telah mengadakan pasar gembira sa-lama beberapa hari baharu2 ini. Hasil dari jualan barang2 di-temasha itu ia-lah untuk perbelanjaan bagi menghantar beberapa orang wakil Brunei ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Greece dalam tahun ini. Pemandangan ini menunjukkan sa-bahan-gian dari orang ramai yang datang mengunjungi pasar gembira tersebut.

## WAKTU SEMBAHYANG, AMSHAK

Waktu sembahyang dan amshak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong dari 15 Mei hingga 31 Mei dan bagi daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu:

H.B.	Amshak	Suboh	Dzuhor	'Asar	Maghrib	'Isha
15.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.32	7.45
16.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.32	7.45
17.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.32	7.45
18.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
19.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
20.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
21.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
22.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
23.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.32	7.45
24.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.33	7.46
25.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.33	7.46
26.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.33	7.46
27.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.33	7.46
28.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.34	7.47
29.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.34	7.47
30.	4.33	4.49	12.21	3.41	6.34	7.47
31.	4.32	4.48	12.22	3.42	6.34	7.47

# Timbalan Menteri Besar Terangkan Brunei / Malaysia

**T**IMBALAN Menteri Besar Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud telah menamatkan lawatan beliau sa-lama tiga hari ka-kampong2 di-Ulu Belait pada 1 Mei lepas.

Dengan di-iringkan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Kadhi Belait, Pemereksa Sekolah2 Ugama Belait, satu pasokan perubatan yang di-ketuai oleh Dr. V.R. Banez dan satu pasokan Pulis di-ketuai oleh OCPD Ibrahim bin Hamzah, beliau telah melawat ka-kampong2 Kuala Balai, Bukit Puan, Labi, Rampayoh dan Bukit Sawat.

Kebanyakan kampong2 ini telah di-serang oleh benchana banjir dalam bulan Januari yang lalu.

Timbalan Menteri Besar itu telah berchakap2 dengan pendudok2 di-sana dan memberitahu mereka akan tujuan lawatan itu — lawatan rasmii yang julong2 kali beliau buat — dan juga untuk mengetahui berbagai2 masing mengenai kampong2 itu.

Beliau menerangkan berkenaan dengan Malaysia dan kedudukan Brunei dalam pembentukan persekutuan itu.

Sa-lain dari itu beliau telah juga menasehatkan pendudok2 kampong itu supaya berjaga2 dan jangan sampai terkeliru oleh pengaroh2 mengenai Malaysia dan juga berkenaan dengan kerajaan.

## FAEDAH2

Mengenai Malaysia Dato Setia berkata bahwa Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah pun menyatakan hasrat baginda apabila mengumumkan pada 7 Julai, 1962 bahawa Brunei akan menyertai Malaysia dengan niat sharat bahawa dasar2 mengenai kedudukan taraf Brunei akan kekal dan dengan bergabung dalam persekutuan itu Brunei akan mendapat faedah2 bagi ra'ayatnya.

Kata beliau, "Hanya jalan untuk kita mendapatkan kemerdekaan yang chepat ia-lah dengan bergabung dalam Malaysia.

"Dengan bergabung dalam Malaysia bukan-lah berma'ana kita akan di-jajah oleh wilayah2 yang lain dan tidak pula bererti bahawa ra'ayat di-sini akan menerima taraf kera'ayatan kelas dua.

## KEISTIMEWAAN

"Sa-benar-nya," kata beliau, "kita akan mempunyai taraf yang sama sa-bagaimana juga negeri2 lain di-dunia ini.

"Dalam Malaysia jangan-lah pendudok2 bembang tentang mengenakkan chukai pendapatan atau menaikan chukai yang ada sekarang dalam negeri ini. Jangan-lah kamu bembang akan keistimewaan khas seperti gaji

tua, wang kelebihan bagi orang2 mengidap penyakit batok kering dan gaji buta kerana keistimewaan ini akan tetap kekal. Dalam Malaysia kita akan dapat keistimewaan yang lebuh dan kema'amoran yang bertambah kapada negeri ini.

"Kita di-Brunei tidak kekurangan wang. Apa yang kita kekurangan ia-lah pakar2 yang berpengalaman untuk menjayakan berbagai2 projek yang telah pun di-ranchangkan oleh kerajaan.

## BERGERAK

"Dengan menyertai Malaysia kita akan minta bantuan dari negeri2 tetangga seperti Malaya dan Singapura untuk menghantarkan pakar2 dalam berbagai2 lapangan, sebab dengan ketiadaan orang2 yang terlatih itu kita tidak akan dapat menjayakan projek2 tersebut.

"Dengan menyertai Malaysia tidak bererti kita akan menjual negeri ini kapada Malaya atau akan di-jajah-nya. Kalau itu-lah sa-benar-nya, Duli Yang Maha Mulia tidak akan bersetuju kerana ini juga bererti menjual seluruh ra'ayat Brunei.

"Kita hendak-lah sedar, sa-bagi sa-buah negeri yang kecil, kita tidak boleh berdiri bersendirian. Kira-nya pun kita di-berikan kemerdekaan hari ini, kita tetap tidak boleh berdiri bersendirian. Ada banyak masalah2 dan kesulitan yang kita tidak boleh atasi sendiri.

"Kita hendak-lah bergerak menurut aleran masa dan pereadaran zaman di-dunia ini. Kalau

(LIHAT MUKA 8)



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali di-ra'ikan dengan jamuan makan nasi di-Kampung Labi.



Sa-belum menyaksikan permainan bola sepak antara pasukan Labi dan Bukit Puan sa-bagi merayakan lawatan Dato Setia Pengiran Haji Ali, beliau telah di-kenalkan kepada ahli2 pasukan bola Labi.

## ANAK2 KG. MENGALU2KAN



Di-mana2 Timbalan Menteri Besar itu tiba beliau telah di-sambut dengan meriah-nya oleh pendudok2 di-kampong2 pendalam Ulu Belait yang beliau lawati.

# "Sidewinder" Pengorek Minyak Sudah Sampai

SERIA. — Kapal penggali telaga minyak di-bawah aras laut yang di-gelar SIDEWINDER telah pun tiba di-sini sa-telah kira2 empat bulan belayar dari Amerika Sharikat.

## PERADUAN

## MENGARANG

KUCHING.— Dewan Sastera Borneo di-sini telah menawarkan hadiah wang sa-jumlah \$800 bagi karangan2 asli yang terbaik dalam pertandingan mengarang kali yang ke-6.

Sa-waktu mengumumkan hadiah2 tersebut dewan itu menyatakan, karangan2 untuk pertandingan hendak-lah sampai kapada Pengarah dewan itu di-alamat Dewan Sastera Borneo (atau Borneo Literature Bureau), Kuching, tidak lewat dari 30 September tahun ini.

Karangan2 yang akan di-tandingkan hendak-lah dalam sa-barang bahasa yang di-gunakan di-Borneo dan mesti-lah di-antara 10,000 hingga 30,000 perkataan.

Tajok karangan tidak di-hadkan asalkan ia-nya ada sang-kut paut dengan keadaan di-Borneo.

Karangan2 hendak-lah di-tulis dengan terang dengan menggunakan da'awat atau pun taip dan boleh di-karang dalam bentuk sa-buah cherita panjang atau beberapa kutipan cherita2 pendek dan renchana.

Karangan2 yang berjaya harus akan di-siarkan dan dengan ini bayaran menyiarkan akan di-bayar kapada pengarang-nya sa-lain dari bayaran hadiah yang di-tentukan itu.

Tiap2 peserta hendak-lah di-sertai dengan satu kenyataan yang mesti di-tanda tangani oleh pengarang-nya seperti berikut:

"Karangan ini ada-lah hasil dari usaha saya sendiri tanpa mendapat pertolongan dari orang lain, dan tidak di-salin dari mana2 buku dan tidak pernah di-siarkan sa-belum ini."

## LIHAT PERKEMBANGAN

BERAKAS. — Satu rombongan pemimpin2 parti politek negeri ini telah kembali ka-Brunei pada 1 Mei sa-lepas mengadakan lawatan sa-lama kira2 tiga minggu di-Persekutuan Tanah Melayu.

Rombongan sa-rama i 10 orang, dua antara-nya wanita, telah melawat ka-tempat2 berser-jarah dan tempat2 di-bawah rancangan perkembangan di-

Malaya atas jemputan Kerajaan Malaya.

Juruchakap rombongan itu berkata sa-tiba-nya di-Padang Kapal Terbang Brunei di-sini, bahawa lawatan mereka itu sangat2 memberi faedah kepada mereka.

Sa-masa di-Persekutuan mereka telah berpeluang berjumpa dengan beberapa orang pemimpin parti2 politek yang menyokong Malaysia.

tengah2 kapal itu atau dengan hanya menggunakan derek-nya yang boleh di-lancharkan sa-hingga ia menunpu ka-sebelah tepi.

Sidewinder ini boleh mengorek di-perayeran yang dalam-nya 300 kaki dan ka-bawah tanah hingga 15,000 kaki dalam-nya.

Sementara itu Orient Explorer sekarang ini sedang mengorek sa-buah telaga di-perayeran Anduki, Seria, ia-itu sa-bagai penchobaan untuk mencheri lagi telaga minyak.

Ada-lah di-fahamkan, sa-bagaimana juga orient explorer, kapal pengorek baharu itu akan di-tempatkan di-Brunei dan di-kelola-kan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dan di-sewakan kapada sharikat2 minyak Sarawak dan Sabah bilamana ia-nya di-perlukan untuk mencheri telaga minyak di-laut di-tempat2 itu.

## RUNDINGAN DAGANGAN, CHUKAI

LONDON. — Persidangan pegawai2 economic Commonwealth di-London, telah membincangkan masalah mengenai sidang perdagangan sa-dunia, Bangsa2 Bersatu.

Menurut sumber2 rasmi pegawai2 itu juga telah menamatkan satu perbinchan yang telah di-mulakan sejak hari Rabu yang lalu, mengenai rundingan pemotongan harga chukai Amerika yang akan datang, di-bawah kawalan Perjanjian Umum chukai dan perdagangan.

Pegawai2 tersebut, sa-bilangan besar ada-lah dari negara2 merdeka Commonwealth, sedang merayus persidangan perdagangan-nya perengkat menteri2.

## PEMILEHAN ASKAR2



Penupta2 Brunei berator menunggu gileran untuk di-temu ramah kerana ahli2 pasukan Askar Brunei. Pengambilan bakal2 askar baharu itu di-jalankan sa-lama beberapa hari awal bulan ini.

## PENUNTUT2 WANITA DAPAT KEPUJIAN

BANDAR BRUNEI. — Kedua2 penuntut wanita Brunei di-Sekolah Latehan Rumah Tangga di-Ipoh, Perak telah mendapat kepujian yang baik dari pengetua sekolah tersebut.

Pegawai Kebajikan Mesharakat Negara Inche Salleh bin Haji Masri tatkala mengumumkan berkata bahawa kedua2 mereka di-jangka, bersama2 dengan penuntut2 lain, akan memasuki peperiksaan terakhir sa-lama tiga hari mulai hari ini.

Mereka di-jangka kembali ka-tanah ayer pada 5 Jun akan datang, kata beliau.

Menurut laporan yang telah di-terima oleh beliau dari pengetua sekolah tersebut, kata beliau, kedua2 penuntut Brunei itu telah menjalani butir2 pelajaran de-nan ta'tat-nya.

Mereka mempunyai tingkah laku yang baik, mahu pun ter-hadap guru2 mereka dan kapada lain2 pegawai di-sekolah itu.

Penuntut2 itu ia-lah Salmah binte Awang Lamat dan Siti Hawa binte Hashim.

Mereka telah meninggalkan tanah ayer untuk mengikuti kursus tersebut, di-Perak enam bulan dahulu.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Sekolah Latehan Rumah Tangga tersebut ta-hun ini akan menerusi empat orang penuntut dari Brunei ia-itu di-tambah lagi dua orang dari bilangan sekolah itu dapat menerima pada tahun lepas.

Sekolah tersebut di-jangka akan di-buka sa-mula sa-lepas chuti hujong penggal tahun ini pada 10 Jun akan datang.

## PERLAWANAN KRIKET BRUNEI - SABAH HEBAT

# BRUNEI MENANG DENGAN SATU MATA

SERIA. — Satu perlawanan kriket yang hebat antara Negeri Brunei dan Sabah telah di-langsungkan di-Padang Klab Panaga, Seria pada hari Sabtu dan Ahad, 11 dan 12 Mei lepas.

Negeri Brunei telah berjaya merebut piala Davidson, mengalahkan Sabah dengan satu kelebihan mata.

Pada hari pertama, Brunei telah mulai memukul bola dan mengumpulkan sa-banyak 182 mata; dengan UNSTEAD membuat sa-banyak 37 mata, RAS-SIP 22 mata, dan CLARK 20 mata.

Pelontar bola bagi Sabah, FERNANDO, telah berjaya menewaskan lapan pemain Brunei dengan memberi choma 35 mata dengan kehilangan lapan orang ahli2 pemainnya apabila perlawanan di-tanggohkan hingga ka-esokan hari lewat petang itu.

## PUSINGAN KEDUA

Pada hari kedua, Sabah telah berjaya menokok sa-banyak 25 mata lagi membawakan jumlah sa-banyak 116 mata.

Mereka yang banyak mengambil mata dari Sabah ia-lah O'HAGEN—60 mata, FERNANDO — 33, dan FAIRBARN — 31 mata.

Dalam pusingan yang kedua itu, Brunei choma mendapat 7 mata. Ini ia-lah di-sebabkan pelontar Sabah yang hendal, ANDY STEWART s-a-orang bangsa Jamaica, telah menunjukkan kecekapannya dengan menewaskan lima pemain2 Brunei dan memberi hanya 6 mata.

Sa-takad ini Sabah mengambil gileran-nya masok ka-padang memulakan permainan-nya. Untuk mengambil seri mereka akan mengambil 101 mata saja lagi atau 102 mata untuk mengambil kemenangan.

## TIDAK BERNASIB

Malang-nya Sabah tidak bagitu berasih baik. Dalam pusingan ini mereka nampak gentar apabila empat dari mereka telah tewas dan hanya mendapat sa-banyak 11 mata.

STEWART dan O'HAGEN telah meningkatkan harapan Sabah apabila kedua2 mereka itu berjaya mengumpulkan dengan chepatnya sa-banyak 73 mata, tetapi tewas.

Permainan pada waktu itu telah menunjukkan bahawa Sabah sa-patut-nya menemui kejayaan. Tetapi apabila mereka telah mencapai sa-banyak 100 mata, MUSTHL telah masok ka-padang dan bermain dengan RAJAH, ia-

itu untuk mengambil satu mata saja lagi untuk seri dan untuk menang dua mata, RASIP (pelontar Brunei) yang penghabisan telah menewaskan MUSTHL.

Harapan Sabah telah hilang.

Dalam pusingan itu O'HAGEN telah membuat sa-banyak 35 mata, STEWART — 33 mata, dan RAJAH — 14 mata bagi pehak Sabah.

Bagi Brunei, pelontar JEEV RATNAM telah berjaya menewaskan tujuh ahli pemain2 Sabah dengan membuang hanya 27 mata.

Piala Davidson telah di-sampaikan oleh W. Davidson kapada pa-sokan Brunei.

## KERJA2 KOSONG:

### BIDAN

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk memenolih jawatan bidan pelajar di-jabatan Perubatan, Brunei.

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2nya Darjah V Sekolah Melayu, boleh bertutur dalam bahasa Melayu Pasar dan ia-nya hendak-lah bujang.

**Sukatan Gaji:** Bidan pelajar—\$152 sa-bulan. Bidan terlateh—\$183 x 7-201-211-220 x 10-260-280-290-300.

Pemohon2 hendak-lah antara 16 hingga 30 tahun.

**Masa Perchubaan:** (a) Chalun2 yang di-pilih akan di-lantek sa-bagai bidan2 pelajar dalam perchubaan sa-lama 3 tahun, dan di-kehendaki menjalani satu kursus latehan yang akan di-sediakan oleh Pegawai Perubatan Negara, Brunei.

(b) Sa-telah tamat masa latehan sa-lama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalani kursus dengan memuaskan boleh jadi akan di-berhentikan.

(c) Sa-kira-nya chalun2 di-dapati mengandong sa-masa menjalani latehan, ia-nya akan di-berhentikan daripada perkhidmatan-nya.

(d) Chalun2 akan di-tempatkan di-Ulu Belait, Ulu Temburong atau Ulu Tutong sa-telah menamatkan latehan dan pepe-reksaan yang memuaskan.

Sa-telah tamat tempoh tiga tahun, sa-sudah menjalani dan menghabiskan masa yang di-te-tapkan oleh Pegawai Perubatan Negara dalam pekerjaan perbi-danan, bidan2 pelajar ada-lah di-kehendaki mengambil pepercayaan Lisan dan Praktik.

Bidan2 Pelajar yang lulus da-lam pepercayaan ini boleh jadi akan di-tetapkan di-dalam jawatan mereka sa-kira-nya ini di-so-kong oleh ketua jabatan-nya.

Permohonan2 yang mesti di-denohkan di atas borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 27 Mei, 1963.

Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1963.

### Pemereksa Kira2

Permohonan ada-lah di-jemput untuk memenolih jawatan sa-bagai pemereksa kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Tingkatan Gagi ia-lah \$211-220x10-260-280-290 Pereksa/310 x 20-370-380/BAR/400 x 20-560. Gaji permulaan bergantung ka-pada kelayakan dan pengalaman.

Pemohon2 mestilah lulus sa-kurang2nya Form III sekolah Inggris dan baik dalam Huu Hisab. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang mempunyai pengetahuan dalam book-keeping dan pengalaman dalam accountancy:

Sharat2 Lantekan: Chalun2 yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrek sa-lama 3 tahun termasok-lah 6 bu-lan masa perchubaan.

Chalun2 yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap.

Mereka yang di-lantek sa-chara berkontrek akan di-bayar baksis sa-banyak 12½% dari gaji bagi tiap2 bulan, genap berkhdimat dalam negeri, yang akan di-bayar apabila bersara kelak. Baksis ti-dak akan di-bayar apabila ber-henti kerja atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada pegawai kerajaan, hendak-lah meng-hantarkan permohonan-nya melalui ketua pajabat dan ketua pajabat di-minat menchatet sa-chara rahsia perkara2 yang ber-hubung dengan pemohon2 itu bersama2 dengan satu rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-is-di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 27 Mei, 1963.

## SEKOLAH2 BERTANDING DI-MUARA

PEKAN MUARA. Temasha sokan babagan sekolah2 Jalan Muara bagi Daerah Brunei Dua telah berlangsung di-Padang Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin di-sini pada 12 Mei lepas.

Sa-banyak 9 buah sekolah telah mengambil bahagian — kesemuanya sekolah2 di-sapanjang Jalan Muara, kecuali Sekolah Melayu Gadong.

Temasha yang telah di-adakan sa-panjang hari pada hari itu telah di-saksikan oleh sa-bilangan ramai penduduk2 di-sini dan juga peminat2 sokan yang datang dengan kereta masing2 dari Bandar Brunei.

Temasha tersebut ia-lah antara achara peraduan sokan tahunan bagi sekolah2 seluruh negeri yang telah mulai di-jalakan sejak 1 hari bula ini.

Peraduan tersebut di-jangka berakhir pada 8 Jun akan datang ini.

## SOKAN BAGI SEKOLAH2

### (DARI MUKA 2)

Sementara itu, hari ini telah di-adakan pemilihan bagi sekolah2 Melayu Daerah Temburong termasok wakil2 dari sekolah2 Melayu Kuala Temburong untuk di-pilih sa-mula bagi mewakili daerah itu ka-peraduan akhir seluruh negeri.

Pemilihan itu telah di-mulakan pada pagi tadi di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar dan akan berakhir pada petang ini.

Pemilihan terakhir untuk me-wakili sekolah2 Melayu bahagian Brunei II (sekolah2 Melayu luar bandar) akan di-adakan di-Padang Besar, Pekan Brunei pada hari Sabtu depan.

### PEMILEHAN

Pada 19 Mei pula akan di-adakan pemilihan bagi mewakili sekolah2 Melayu Brunei I (dalam bandar) di-tempat yang sama.

Tarikh terakhir bagi menentukan sekolah manakah yang berjaya menjadi johan sokan sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei bagi tahun 1963 akan di-langsungkan di-Padang Besar Pekan Brunei pada 8 Jun hadapan.

Dalam peraduan itu nanti, se-mua wakil2 daerah yang telah di-pilih dari sekolah2 Melayu Brunei I, Brunei II, Belait/Seria, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian bagi mere-butkan gelaran kejohanan sa-ne-geri itu.

## PILEHAN RAYA DI-MALAYA

KUALA LUMPUR.

Pengerusi Surohanjaya Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu, Haji Mustapha Albakri telah mengumumkan di-Kuala Lumpur bahawa pilehan raya Kebangsaan Persekutuan dan Negeri, akan di-adakan serentak, dalam bulan July tahun hadapan.

Sabanyak 104 buah kerusi akan di-untokkan bagi Majlis Meshuarat Kebangsaan Persekutuan, Majlis Negeri sabanyak 200 buah kerusi.

Hampir 3 juta rā'ayat Persekutuan Tanah Melayu di-jangka membuang undi pada masa itu.

## Korban H. Raya

SUNGAI NIL.—Di-antara 150 hingga 200 orang telah mati lemas dalam Sungai Nil apabila sa-buah motor launch terlungkup dekat pelabuhan MAGHAGHA, demikian di-nyatakan oleh Sharikat Berita Timor Tengah pada Hari Raya Korban lepas.

Penyelam2 telah di-hantar kasa dengan serta merta untuk mendapatkan mayat mangsa2 itu.

Sharikat berita tersebut menyatakan bahawa motor launch itu sedang membawa orang2 yang pluang dari mengziarahi kubur saudara mara di-hari raya korban dekat kampong Karara apabila kapal itu telah terlungkup dekat pelabuhan MAGHAGHA, lebuh kurang 100 batu keselatan Kaherah.

## PERTANDINGAN BINTANG RADIO 1963

Che Norsiah binte Osman, peserta bintang radio 1963 Tutong, telah mendapat tempat yang ketiga dalam pertandingan yang telah di-adakan di Pekan Tutong pada 10 Mei lepas.



Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-cetak di-The Brunei Brunei Press Limited, Kuala Belait.

# MALAYA BESARKAN PERTAHANAN UNTOK KESELAMATAN

LONDON. — Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak, telah menyatakan di-sini minggu ini bahawa salah satu sebab yang kerajaan-nya berchadang untok memperbesar angkatan bersenjata ia-lah kerana dasar konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia.

Beliau juga berkata bahawa tindakan memperbesarkan lagi angkatan bersenjata ada-lah tidak begitu tetap, tetapi beliau enggan menerangkan jumlah bantuan pertahanan yang di-kehendaki oleh

kerana keperluan pertahanan yang akan bertambah sa-lepas terbentuk persekutuan besar itu.

Tun Razak telah menyatakan hal ini sa-masa beruchap dalam satu forum penuntut2 Malaya. Beliau akan memulakan rundingan dengan Kerajaan British pada hari Isnin mengenai bantuan pertahanan.

Beliau telah memberitahu penuntut2 itu bahawa ranjangannya memperbesar lagi angkatan bersenjata ada-lah tidak begitu tetap, tetapi beliau enggan menerangkan jumlah bantuan pertahanan yang di-kehendaki oleh

## U Thant Seru Peranchis Menimbangkan Nuclear

BELGRADE. — Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, U Thant, telah merayu sa-chara bersunggoh2 kapada kerajaan Peranchis supaya menimbangkan sa-mula tujuan-nya hendak mengadakan ujian nuklear di-Lautan Pacifik.

Dalam satu interview yang diterbitkan di-sini sa-belum beliau berlepas ka-Rome sa-lepas mengadakan lawatan dua hari, beliau telah menyatakan kegunaan-nya tentang berita mengenai ujian tersebut.

Dalam satu interview dengan Sharikat berita rasmi Yugoslavia, TANJUG, beliau berkata bahawa sa-lain daripada merachunkan udara di-angkasa ujian tersebut

akan juga memberi kesan berat terhadap rundingan pengharaman ujian nuklear.

U Thant kemudian-nya telah tiba di-London dari Belgrade.

Beliau telah mengadakan rundingan dengan Setiausaha Luar Negeri, British, Lord Home, berkenaan dengan berbagai2 perkara international termasok-lah gaganan Malaysia.

## TERANGKAN BRUNEI/MALAYSIA

(DARI MUKA 5)

kita akan kekal sa-bagaimana sekarang ini — maseh di-naongi British dunia seluroh-nya tidak akan membenarkan kita. Sebab itu-lah jalan yang hanya boleh ia-lah menyertai Malaysia dan dengan serentak mencapai kemerdekaan dan menikmati taraf2 yang sama, keistimewaan sama seperti ra'ayat bebas yang lainnya di-negara2 yang merdeka dalam dunia ini."

Dato Setia Timbalan Menteri Besar kemudian berkata sa-kira-nya ada lagi orang2

Malaya.

Kata-nya tujuan Malaya ia-lah mengadakan satu dasar berbaik2 dengan jiran2-nya serta juga memberi sumbangan bagi mendapatkan ketegohan dalam kawasan ini.

Tun Abdul Razak juga telah memberitahu sa-orang yang bertanya bahawa beliau tidak tahu kenapa Indonesia menjalankan dasar konfrontasi terhadap Persekutuan Malaysia.

## MAHU AMAN

Kata-nya, sa-jauh mana yang mengenai Malaya, Malaya ingin berbaik2 dengan Indonesia dan, Malaya mahukan keamanan, tetapi jika wilayah Malaya dan kemerdekaan-nya di-ancham, maka Malaya mesti-lah bersedia mempertahankan-nya walau dengan jiwa sa-kali pun.

Tun Razak juga telah menyatakan bahawa satu sidang menteri2 luar Malaya, Indonesia dan Philipina akan di-adakan pada 24 Mei untuk membincangkan masaalah2 mengenai Malaysia.

Malaya choma berharap kepada yang baik sahaja, sungguh pun susah hendak menelah hasil sidang itu sekarang, kata beliau.

Ra'ayat Malaya dari segala bangsa ada-lah menyokong kerajaan mengenai dasar-nya terhadap Persekutuan Malaysia.

yang berkehendakan penerangan lanjut berkenaan Malaysia atau maseh lagi ragu2, mereka jangan-lah takut2 untuk berjumpa dengan pegawai daerah masing2 atau berjumpa dengan beliau sendiri untuk mengatasi keraguan itu.

Menyentoh atas pemberontakan yang baharu2 ini, Dato Setia Pengiran Haji Ali berkata, Duli Yang Maha Mulia selalu menumpukan perhatian baginda kepada kehidupan ra'ayat jelata. Baginda selalu memikirkan dan untuk melihat ra'ayat baginda sentiasa berada dalam aman ma'amor sa-bagaimana negeri ini telah alami sa-belum mengetusnya penderhakaan pada 8 Disember tahun lalu.

"Ini sudah tentu-lah tidak akan di-chapai melainkan dengan sokongan penoh dan kerjasama dari ra'ayat jelata," tegas Dato Setia Pengiran Haji Ali,

"Penduduk2 hendak-lah mengadukan kapada ketua2, penghulu2 atau terus kapada pegawai daerah masing2 apabila ada antara-nya orang2 yang datang ke-kampong2 dan memberi pererangan2 yang berlainan berkenaan dengan Malaysia atau berkenaan sa-barang apa juar yang mendatangkan keburokan kapada negeri ini. Orang2 demikian hanya mencoba untuk menggunakan anak kampong sekalian untuk 'kepentingan mereka sendiri.'